



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23/2023

BAYARAN BANTUAN KHAS PENGHARGAAN TAHUN 2023

1. Mesyuarat Lembaga Pengarah (LPU) secara Edaran Bil. 3/2023 pada 6 Ogos 2023 telah meluluskan pembayaran Bantuan Khas Penghargaan Tahun 2023 (BKP) sebanyak RM300.00 kepada staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah (dilantik sebelum dan masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023) yang layak terdiri daripada:
 - a. Pegawai lantikan tetap;
 - b. Sementara;
 - c. *Contract of Service (COS)*;
 - d. Pekerja Sambilan Harian (PSH) [berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2023] (menggunakan peruntukan Tabung Amanah Jabatan yang melantik); dan
 - e. Skim Felo termasuk Felo Penyelidik.
2. Bayaran BKP 2023 sebanyak RM100.00 turut diberikan kepada pesara yang dilantik semula secara COS (pembayaran sebanyak RM200.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, JPA).
3. Pembayaran BKP 2023 akan dikreditkan ke akaun gaji staf pada **10 Ogos 2023** selaras dengan surat edaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, JPA bertarikh 1 Ogos 2023.
4. Dengan pemberian bantuan khas ini, diharap penjawat awam khususnya staf UMK akan terus berusaha gigih untuk menyokong hasrat melaksanakan pembaharuan Ekonomi MADANI, memberi perkhidmatan terbaik, sekali gus membantu ruang fiskal kerajaan agar hasrat kerajaan untuk merealisasikan gaji baharu perkhidmatan awam menjadi kenyataan.

Sekian, terima kasih.

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

06 OGOS 2023

s.k. - Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-3/2/4 (33)
Tarikh : 01 Ogos 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

BANTUAN KHAS PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM DAN PESARA KERAJAAN TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri melalui Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat telah mengumumkan Bantuan Khas Penghargaan (BKP) Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak **RM300.00** kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/kakitangan lantikan kontrak. Di samping itu, BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan termasuk pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pesara bersara pilihan dan belum menerima pencen, veteran berpencen serta veteran tidak berpencen sebanyak **RM200.00**.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 adalah seperti berikut:

3.1 Bayaran **LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56¹ dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023. Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan:
 - a) pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS)²;
 - b) pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - c) pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - d) pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - e) pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

3.2 BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini **TURUT DIBAYAR** kepada:

- (i) pegawai lantikan MySTEP yang masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023 dan telah dilantik sebelum 10 Ogos 2023 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut;
- (ii) guru interim;
- (iii) pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Utama/Khas.

² Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan

- (iv) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran serta Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.

3.3 Bagi pesara Kerajaan termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen, pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/56/58/60 tahun) atau bersara Atas Sebab Kesihatan (ASK), pesara bersara pilihan dan belum menerima pencen pada atau sebelum 10 Ogos 2023 akan dibayar sebanyak RM200.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) manakala veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV);

3.4 Pesara (rujuk para 3.3) dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta COS dan masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023 layak dibayar sebanyak RM300.00. Pembayaran sebanyak RM200.00 akan dibuat oleh JPA/JHEV dan bakinya sebanyak RM100.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat;

3.5 Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 10 Ogos 2023 layak diberi BKP Tahun 2023 sebanyak RM300.00;

3.6 Bayaran **TIDAK LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/Gred Khas;
- (ii) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023;
- (iii) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023;

- (iv) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023; dan
- (v) pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

3.7 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) akan ditangguhkan pemberian BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini. Pegawai hanya layak dibayar BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 setelah dibebaskan daripada pertuduhan tatatertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan; dan

3.8 BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini akan dibayar pada **10 Ogos 2023** dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.


4. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)

s.k.:

YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

YBHG. DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 10 Blok Tengah
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

YBHG. DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA

Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA